

MAKLUMAT LEKSIKAL DALAM STRUKTUR KASUS DAN ARGUMEN DALAM PENULISAN BERITA

Nor Azuwan Yaakob dan Arbak Othman

Abstrak

Kajian ini berusaha untuk menjelaskan peranan yang dimainkan oleh fitur semantik beberapa kata bahasa Melayu dari segi kasus dalaman dan jumlah argumen yang timbul dalam struktur ayat pada aras permukaan. Pengkaji menggunakan konsep fitur semantik kata kerja yang digunakan secara popular oleh Charles J. Fillmore dengan istilah "maklumat leksikal". Baginya, maksud asas kata dapat dinyatakan sebagai suatu set komponen kompleks yang diperlukan untuk menyatakan sifat-sifat peristiwa atau situasi. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa sifat semantik asas kata kerja sebagai contoh, terutamanya sifat-sifat yang berhubungan dengan masa, ruang, pergerakan dan "niat". Kajian ini akan mencuba untuk menunjukkan kelenturan beberapa kata kerja dari segi jumlah argumen yang diambilnya dalam struktur predikat. Dalam deskripsi nahu, pengkaji akan mengenal pasti struktur peranan sesuatu ujaran. Dari sini pengkaji bergerak ke hadapan untuk membuktikan bahawa peranan yang dimainkan oleh argumen diambil daripada inventori jenis-jenis peranan yang ditetapkan dalam nahu kasus oleh teori nahu. Aplikasi teori kasus, bersama-sama masing-masing argumen yang dikaitkan dengan beberapa kata kerja sebagaimana yang digunakan dalam penulisan berita sebagai wacana retorik akan diperhatikan dalam usaha untuk melihat bahawa nahu bahasa berita tulisan didapati serupa dengan yang digunakan dalam deskripsi. Jumlah argumen yang dibenarkan dalam struktur ayat rupa-rupanya dapat dikenal pasti dalam domain interpretasi kasus semantiknya sebagaimana yang digunakan dalam penulisan berita dalam akhbar harian berbahasa Melayu. Sebagai contoh secara konsep, kata <merompak> dan <mencuri> memerlukan tiga argumen (orang yang melakukan kesalahan, orang yang rugi dan barang-barang rampasan), manakala <membeli>

dan <menjual> masing-masing merupakan predikat empat argumen, iaitu argumen yang mewakili orang yang menerima barangan atau perkhidmatan, orang yang membekalkan barangan dan perkhidmatan, barangan dan perkhidmatan sendiri dan jumlah wang yang bertukar tangan. Kehadiran argumen dalam ayat pada umumnya wajib mengikut keadaan lain yang diperlukan pada situasi tertentu.

Abstract

This study will attempt to justify the role played by semantic features of certain verbs of Malay language to the number of deep cases and the possible arguments appeared in a sentence structure at superficial level. The writers of this study use the concept of semantic features of a verb used popularly by Charles J. Fillmore along with his terminological term: "lexical information". To him, a basic sense of a word is expressible as a set of components that are complex as they may be required to characterize events or situations. In this study the writers will sample certain elementary semantic properties of verbs, especially those relating to time, space, movement and "will". The study will try to show the flexibility of certain verbs in the number of arguments they take in the predicate structure. The verb <rob> and <steal> conceptually require three arguments, namely those identifiable as the culprit, the loser, and the loot. The words <buy> and <sell> are each four – argument predicates, the arguments representing the one who receives the goods or services, the one who provides the goods and services, the goods and services themselves, and the sum of money that changes hands. In grammatical descriptions, we try to identify the role structure of given expressions. From here the writers go further to prove the roles that their arguments play are taken from an inventory of role types fixed in case structure by grammatical theory. The application of case theory, with their separate arguments associated with certain verbs as used in the writing of news as rhetorical discourse is being looked at, in an attempt to see that the grammar of news written language is found to be similar to that used in descriptions. The number of arguments allowed in sentence structures seems to be identifiable within the domain of their semantic interpretation of cases used in the writing of news in Malay daily newspapers.

PENDAHULUAN

Dalam kertas ini, kajian dibuat untuk menunjukkan bagaimana maklumat leksikal, atau fitur semantik mengikut pendapat ahli

semantik yang lain, dapat digunakan untuk menentukan struktur kasus dengan argumen yang terkandung dalam ayat. Walaupun analisis akan dibuat berasaskan teori nahu leksikal, terutamanya terhadap ayat-ayat dalam bahasa tulisan standard, konsep kasus akan digunakan untuk menentukan nahu sesuatu ayat. Berdasarkan nahu ini, ayat-ayat yang digunakan dalam penulisan berita akan dinilai sama ada wujud atau tidaknya kesamaan atau perbezaan. Sekiranya terdapat perbezaan, bagaimanakah perbezaan tersebut dapat diterangkan untuk wacana berita yang dibenarkan, atau sememangnya kesalahan yang perlu ditunjukkan bentuk-bentuk yang betul sebagai cadangan penulis setelah mengaplikasikan nahu leksikal ke atas ayat-ayat yang terbentuk itu. Beberapa sedutan berita akan diturunkan untuk digunakan bagi mendapatkan hujah sejauh manakah struktur ayat dalam wacana berita yang digunakan di dalam akhbar, terutamanya dapat dipertahankan, atau sebaliknya.

Dengan “berita” dimaksudkan penulisan maklumat yang dilakukan oleh penulis berita berbentuk wacana yang mengandungi sejumlah ayat yang tidak terbatas, sebagaimana yang tertulis dalam akhbar tempatan atau media elektronik bagi dibacakan oleh penyampai berita, seperti di radio dan televisyen Malaysia. Dalam kertas ini, contoh penulisan berita yang digunakan sebagai data ialah bahasa berita daripada beberapa buah akhbar tempatan sahaja. Pada umumnya, penilaian yang dibuat akan tertumpu pada aspek kebahasaan atau nahu leksikal ayat-ayat untuk wacana berita sahaja. Hal-hal lain, jika bersangkutan pun, tidak dipertimbangkan atas sebab-sebab ruang dan skop kajian.

Pada bahagian awal, analisis dilakukan secara linguistik ke atas kata untuk membentuk persepsi pembaca bahawa kata memainkan peranan yang paling utama dalam ayat-ayat yang dibentuk oleh bahasa. Maklumat leksikal pada kata secara langsung mempengaruhi makna ayat, melalui pemilihan kata-kata lain dalam gabungan yang turut membentuk ayat. Kata-kata yang berkolokasi sahaja yang mengizinkan ayat-ayat memenuhi tuntutan nahu. Kata-kata nama yang berkolokasi dengan kata kerja yang digunakan membentuk kasus yang ditentukan oleh hubungan peranan frasa nama yang dikenal pasti oleh kata kerja dalam ayat. Kehadiran kasus juga dapat diukur berdasarkan bilangan argumen pada predikat ayat. Oleh sebab kata kerja sangat mempengaruhi kejadian ayat dalam wacana berita, maka fokus kajian akan memihak kepada penggunaan kata kerja dengan maklumat-maklumat leksikalnya dalam predikat ayat.

Leksikon

Menurut Charles J. Fillmore (1968), leksikon dianggap sebagai sebahagian daripada alat nahu generatif. Pada aras interpretasi semantik, atau komponen semantik bagi nahu, leksikon mestilah menyediakan maklumat, bagi setiap item leksikal, kepada pengguna bahasa dari segi:

- (i) sifat persekitaran sintaksis struktur dalaman yang menyebabkan item leksikal itu disertakan;
- (ii) sifat-sifat item yang sensitif kepada rumus nahu;
- (iii) item yang dapat digunakan sebagai “predikat” dan jumlah argumen yang secara konsep diperlukan oleh predikat;
- (iv) peranan yang dimainkan oleh setiap argumen dalam situasi tempat item digunakan untuk menyatakan argumen di dalam predikat;
- (v) praandaian atau “syarat keselesaan” sebagai kesan penggunaannya, iaitu syarat yang mesti dipenuhi supaya item yang digunakan itu sangat sesuai;
- (vi) sifat-sifat hubungan konsep atau morfologi item terhadap item-item lain dalam leksikon;
- (vii) maknanya; dan
- (viii) bentuk-bentuk fonologi atau ortografi yang dipikul oleh item menurut ketetapan nahu tertentu.

Menurut Fillmore, beberapa jenis maklumat yang perlu dimasukkan ke dalam komponen leksikal yang membentuk nahu perlu mengetepikan maklumat yang tidak dapat dinyatakan dengan panjang lebar tentang perkara (vii) dan (viii).

Lakuan Bahasa

Fillmore beranggapan bahawa pemerian semantik item leksikal yang mampu berfungsi sebagai predikat dapat dinyatakan sebagai keterangan kompleks tentang sifat-sifatnya, perubahan di dalamnya atau hubungan antara entiti dua jenis yang berikut: (a) entiti yang dapat bertugas sebagai argumen dalam binaan argumen predikat yang dapat dibentuk oleh item leksis tertentu; dan (b) beberapa aspek lakuan bahasa sendiri. Konsep-konsep yang dikaji dilihat dari segi keperluan mengenal pasti peranan lakuan bahasa dalam teori semantik.

Lakuan mengeluarkan ujaran linguistik dalam suatu situasi yang melibatkan penutur, orang yang dilawan bertutur dan mesejnya. Ia suatu lakuan yang berlaku dalam tempoh masa tertentu, dan ia juga merupakan salah satu lakuan dengan pesertanya berada pada situasi di tempat-tempat tertentu. Masa yang digunakan sewaktu terhasilnya lakuan bahasa merupakan suatu tempoh, manakala peserta lakuan bahasa boleh sahaja bergerak-gerak semasa berlakunya peristiwa bahasa, malahan identiti peserta juga boleh berubah sepanjang lakuan bahasa. Akan tetapi, dalam kebanyakan hal, koordinat identiti peserta dan ruang masa bagi suatu lakuan bahasa hendaklah dianggap titik-titik yang tetap.

Pengeluar lakuan bahasa akan dipanggil *sumber lokusi* (LS), orang yang dilawan bertutur dirujuk sebagai *sasaran lokusi* (LT). Koordinat lakuan bahasa sementara (*temporal*) dan tidak sepenuhnya (*partial*) merupakan *masa lakuan lokusi* (TLA), *tempat sumber lokusi* (PLS) dan *tempat sasaran lokusi* (TSL).

Dalam bahasa Melayu, terdapat beberapa kata kerja yang merujuk kepada contoh lakuan bahasa yang lain daripada yang sedang diujarkan (misalnya **berkata**), dan ini dirujuk sebagai *kata kerja lokusi*. Memang penting untuk menyebut kata kerja lokusi sekarang kerana akan didapati bahawa teori linguistik memerlukan perbezaan antara lakuan bahasa sebenar atau “utama” (*ultimate speech act*) dengan lakuan bahasa yang dirujuk dalam ayat. Oleh sebab itu, dalam deskripsi linguistik, beberapa kata kerja rujukan dibuat, sama ada kepada LS atau agen kata kerja lokusi, dan situasi ini mestilah dibezakan daripada situasi yang merujuk kepada LS sahaja.

Kata-kata bahasa Melayu yang dihuraikan secara semantik memerlukan rujukan kepada beberapa aspek lakuan lokusi yang meliputi **di sini**, **ini**, **hari ini**, **datang** dan **mengetahui**. Kata **datang**, misalnya dapat merujuk kepada pergerakan terhadap sama ada PLA atau PLT, sama ada TLA atau fokus masa yang dikenal pasti dalam ayat. Oleh sebab itu dalam ayat:

- (1) Dia berkata bahawa dia akan datang ke pejabat pada pagi Khamis.

Pembaca akan faham bahawa **pejabat** merupakan lokasi LS atau LT sama ada sebagai TLA atau PAGI **Khamis** yang disebutkan itu. Penggunaan kata kerja **mengetahui** membenarkan LT untuk menyimpulkan kefaktaan proposisi yang dinyatakan oleh klausa **bahawa**. Oleh sebab itu, dalam ayat:

- (2) Dia mengetahui bahawa abangnya telah meletakkan jawatan.

Pembaca difahamkan bahawa LS pada TLA mempraandaikan kefaktaan “peletakan jawatan abangnya”.

Dalam deskripsi semantik beberapa kata kerja, rujukan dibuat sama ada kepada subjek “kata kerja lokusi yang muncul selepasnya”, atau kepada LS seandainya ayat mengandungi kata kerja lokusi yang bukan eksplisit. Sebagai contoh, kata kerja **menjenguk-jenguk** memerlukan subjeknya yang berbeza daripada subjek kata kerja lokusi perintah yang pertama. Hal ini dapat disaksikan dalam ayat (3) dan (4):

- (3) Dia sedang menjenguk-jenguk ke luar tingkap.
- (4) *Saya sedang menjenguk-jenguk ke luar tingkap.

Bahawa apa yang diperlukan hanyalah yang bukan identitikal dengan LS; tetapi ini tidak ditunjukkan demikian jelas disebabkan oleh penerimaan ayat (5):

- (5) Dia mengatakan saya yang menjenguk-jenguk ke luar tingkap.

Daripada pemerhatian ini, ayat (6) menjadi taksa, tidak kira sama ada kedua-dua ganti nama itu bersifat saling merujuk atau tidak, tetapi ayat (7) memerlukan kedua-dua **Dia** (satu dengan bentuk **nya**) untuk menjadi berbeza, seperti juga pertukaran **ke luar** kepada **di luar**.

- (6) Dia kata dia terdiri-diri di luar tingkap rumahnya.
- (7) Dia kata dia menjenguk-jenguk ke luar tingkap rumahnya.

Memang tidak dinafikan hakikat wujudnya ketidaksedaran dalam kalangan penutur tentang perbezaan yang disebutkan itu. Sesungguhnya, wujud perbezaan seperti itu. Perbezaan item leksikal dalam deskripsi semantik antara rujukan kepada sifat-sifat klausa yang lebih tinggi yang mengandunginya daripada satu pihak, dan kepada fitur peserta dalam lakuan bahasa sendiri pada pihak yang lain. Situasi yang pertama itu berada dalam kawasan “kekangan struktur dalaman”, manakala yang kemudiannya memerlukan konsep yang berhubungan dengan lakuan bahasa yang mudah didapati.

Sifat Semantik Asas Kata Kerja

Yang disebut sebagai maksud asas sesuatu kata dapat dinyatakan sebagai set komponen, dan apabila berapa komponen ini dikatakan idiosinkratis kepada kata kerja tertentu, komponen-komponen lain mungkin didapati biasa kepada kelas kata yang lebih besar. Komponen juga kompleks, kerana ia mungkin diperlukan untuk memberikan sifat kepada peristiwa atau situasi

yang juga kompleks. Tetapi, istilah terakhir suatu deskripsi semantik haruslah secara biologi diberikan maksud sebagai identiti, masa, ruang, badan, pergerakan, kawasan, kehidupan, ketakutan dan lain-lain, termasuk juga istilah yang belum didefinisikan, yang secara langsung mengenal pasti aspek atau objek dalam cakerawala budaya dan fizikal yang didiami oleh manusia. Beberapa sifat semantik kata kerja akan dihuraikan berikutnya, terutamanya kata kerja yang menunjukkan masa, ruang, pergerakan dan “semangat”.

Sesetengah kata kerja merujuk kepada aktiviti yang dilihat demikian berubah mengikut masa, manakala yang lain-lainnya tidak: perbezaan ini sering dirujuk masing-masingnya dengan istilah “sementara” dan “berterusan”. Kata **tidur** merupakan kata kerja berterusan. Kata **bangun** pula berupa kata sementara. Aktiviti atau keadaan yang berterusan perlu memakan masa dalam tempoh tertentu apabila satu atau kedua-dua titik akhir dikenal pasti seperti jarak waktu atau ukuran jauh jarak tersebut. Oleh sebab itu, ayat (8) didapati munasabah, manakala ayat (9) tidak bermakna.

- | | |
|-----------------|---------------------|
| | selama tiga hari. |
| (8) Dia tidur | hingga hari Jumaat. |
| | selama tiga hari. |
| (9) *Dia bangun | hingga hari Jumaat. |

Sebaliknya, penidakan kata kerja sementara dapat mengenal pasti keadaan yang berterusan; dengan yang demikian, ayat (10) menghasilkan maksud yang dapat diterima, dengan syarat kata kerja diulang bentuknya.

- | | |
|------------------------------|---------------------|
| | selama tiga hari. |
| (10) Dia tidak bangun-bangun | hingga hari Jumaat. |

Kata kerja yang menyatakan lakuan yang berulang-ulang dapat difahami sebagai “iteratif”. **Bangun** tidak iteratif sebagaimana yang ditunjukkan oleh ayat (9). **Menyepak** dapat dikatakan iteratif, sebagaimana yang ditunjukkan oleh ayat (11):

- (11) Dia menyepak bola hingga jam lima petang.

Kata kerja sementara yang juga kata kerja “berubah keadaan” tidak boleh digunakan secara iteratif apabila objek tertentu terlibat, sebagaimana

yang dapat dilihat dalam ayat (12):

(12) *Dia memecahkan pinggan hingga jam lima petang.

Tetapi jika aktiviti yang sama diarahkan untuk objek kolektif yang tidak tentu jumlahnya, maka kata kerja “berubah keadaan” dapat difahami juga sebagai iteratif, sebagaimana yang dapat dilihat dalam ayat (13):

(13) Dia memecahkan (segala) pinggan mangkuk hingga jam lima petang.

Nampak seolah-olah teori leksiko-semantik mengendalikan aspek makna kata kerja yang berhubungan dengan kejadian mengikut masa situasi yang dikenal pasti oleh kata kerja.

Sifat-sifat semantik yang lain terdapat pada kata kerja yang lain, meskipun dalam gabungan yang bertumpang tindih, atau dalam kesamaan yang menyingkir yang lain. Bagi kata kerja **memukul** dan **menyentuh**, walaupun kedua-duanya berbeza dari segi bahawa yang pertama itu sementara manakala yang keduanya sama ada sementara atau berterusan, maksud kontak permukaan dikongsi secara bersama, iaitu sifat yang turut dimiliki oleh kata kerja **mengetuk**, **menampar**, **melanda**, **menceroboh** dan lain-lain. Kata-kata ini berbeza dari segi impak lakuan yang diuraikan itu didapati lebih lembut bagi **menyentuh** daripada **memukul**.

Kata kerja **meloncat** dan **melompat** didapati sama-sama menunjukkan perubahan sementara dari aras menegak (seseorang dikehendaki meninggalkan tanah untuk melakukan kedua-dua tindakan), tetapi berbeza dari segi bahawa **meloncat** seolah-olah memberi implikasi perubahan pada posisi horizontal, manakala **menggelongsor**, seperti juga **meloncat**, merujuk kepada perubahan posisi sepanjang permukaan, tetapi berbeza daripada **meloncat** yang tidak menyebabkan pergerakan terkeluar daripada permukaan. Sama seperti **menggelongsor**, **bergegas** (lari) mencadangkan pergerakan sepanjang permukaan, tetapi dengan anggapan bahawa kontak dengan permukaan terganggu dengan pergerakan yang sekali gus pantas. **Meluru** sama dengan **bergegas** yang merujuk pergerakan serta-merta yang pantas tetapi gagal untuk berkongsi dengan sebarang rujukan kepada permukaan. Kata kerja gerak boleh sahaja diuraikan dengan menghubungkaitkannya dengan sifat-sifat yang berhubungan dengan arah, kelajuan, graviti, permukaan dan sebagainya.

Kadang-kadang suatu kata kerja telah disediakan rujukan di dalamnya tentang kesan aktiviti. Secara konsep, seorang pelakon seolah-olah terlibat

dalam sesetengah aktiviti dan walaupun aktiviti itu boleh sahaja diarahkan kepada hasil tertentu, aktiviti itu dengan sendirinya (secara kebetulan) mengarah kepada kesan atau hasil tersebut. Aktiviti ini dipanggil “kata kerja pencapaian”. Sebagai contoh, salah satu ujian kata kerja pencapaian ialah kata modal **boleh**. Kata kerja ini digunakan dalam konstruksi dengan kata kerja yang mempunyai maksud epistemik (ramalan), bukan dengan maksud pragmatik atau maksud yang dibenarkan. Ini disebabkan oleh hubungan kebetulan antara aktiviti dan hasil: seseorang tidak membenarkan orang lain memiliki nasib yang baik. Oleh sebab itu, ujaran (14) dan (17) dapat difahami mengikut maksud epistemik atau pragmatik:

- (14) Dia boleh mencapai cita-citanya.
- (15) Dia boleh mencuba untuk mencapai cita-citanya.
- (16) Dia boleh mencari anak kucing tersebut.
- (17) Dia boleh berusaha mendapatkan anak kucing tersebut.

Sifat umum kata kerja yang terakhir dapat dikesan sebagai mempunyai hubungan dengan penglibatan peserta secara intensional dan bukan intensional dalam peristiwa bahasa yang diterangkan oleh kata kerja. Jika dibandingkan (18) dengan (19):

- (18) Johan memaksudkan X oleh Y.
- (19) Johan memahami X oleh Y.

Didapati bahawa dalam (18), bukan dalam (19), asosiasi antara X dan Y adalah sengaja (intensional) ke atas pihak Johan. Kata **memaksudkan** dapat digunakan dengan pengertian yang ada pada **memahami** dalam (19), tetapi dalam kasus ini dibentuk dengan cara yang berbeza. Ujaran (20) merupakan parafrasa ujaran (19).

- (20) Y bermaksud X kepada Johan.

Struktur Predikat

Kebanyakan kata penuh (*content word*) dalam sesuatu bahasa dapat dinyatakan sifat-sifatnya dalam leksikon dari segi penggunaannya sebagai predikat. Ini benar bagi kata nama, kata kerja, kata adjektif, kebanyakan kata adverba dan beberapa kata hubung. Oleh yang demikian, ayat seperti (21):

- (21) Hasan tinggal di rumah kerana dia sayang kepada ibunya.

Dinilai sebagai benar atau palsu bergantung bukan sahaja pada nilai kebenaran kedua-dua klausa yang mengapiti **kerana**, tetapi dengan kebenaran atau kepalsuan hubungan “penyebab” antara kedua-dua situasi yang dinamakan oleh klausa-klausa tersebut. Ayat tersebut dapat diinterpretasi sebagai mempunyai **kerana** sebagai predikat utamanya, predikat yang mengambil dua klausa sebagai **argumennya** dan yang digunakan untuk menyatakan hubungan “penyebab” atau “logikal” antara kedua-duanya.

Dalam bahasa laporan berita dalam akhbar misalnya, ayat (22) mengandungi penggunaan kata kerja **terbunuh** yang tidak dinyatakan agennya, tetapi “penyebab” kepada kematian seseorang yang terlibat dalam kemalangan.

(22) Seorang terbunuh dalam kemalangan jalan raya malam semalam.

Terdapat tiga argumen yang membentuk maksud ayat (22), iaitu Lokusi sasaran (objek) dan penyebab kematian dan masa. Dalam laporan, yang dipentingkan bukannya agen lokusi yang melakukan tindakan, tetapi kesan yang dirasakan oleh pembaca terhadap sebab-sebab kematian. Oleh sebab perasaan diutamakan dalam pemberitaan, bukannya siapa yang melakukan perbuatan tertentu menjadi maklumat yang mahu disampaikan dalam berita. Ini kerana maksud sensasi ditambah pada kata kerja yang digunakan dalam laporan berita.

Kata sebagai predikat, menurut Fillmore, dapat diterangkan pertamatamanya mengikut jumlah argumen yang diambilnya. Kedua-dua kata kerja **naik** dan **terangkat** ialah kata kerja gerak yang menerangkan pergerakan ke atas, tetapi kedua-duanya itu didapati berbeza dari segi bahawa **naik** digunakan hanya untuk objek yang bergerak ke atas, manakala **terangkat** memerlukan dua objek, satu sebagai objek yang bergerak ke atas dan yang satu lagi sebagai objek yang disebabkan ia bergerak ke atas. Cara lain menyatakan ini adalah bahawa **naik** merupakan predikat satu argumen, manakala **terangkat** ialah predikat dua argumen.

Sesetengah kata kerja agak fleksibel dari segi jumlah argumen yang diambilnya. Kata kerja gerak yang mengambil dasar **gerak**, misalnya dapat berlaku dengan satu, dua atau tiga argumen seperti dalam ayat (23) – (25):

- (23) Batu itu bergerak.
- (24) Angin menggerakkan batu itu.
- (25) Kerbau menggerakkan batu itu.

Ayat (23) dengan dua argumen mengenal pasti sama ada kuasa fizikal (angin) atau objek (batu), atau benda bernyawa yang bertanggungjawab secara langsung terhadap aktiviti yang bergerak, manakala kegunaan semua tiga argumen dikenal pasti dalam (ayat 25), termasuk frasa yang dikurung itu:

(25) Dia menggerakkan batu itu (dengan kayu).

Kata kerja **merompak** dan **mencuri** pula secara konsep memerlukan tiga argumen, iaitu pembuat salah, pihak yang rugi dan yang dirompak/dicuri. Kata **membeli** dan **menjual** membentuk predikat empat argumen. Argumen itu mewakili seseorang yang menerima barang atau perkhidmatan, orang yang menyediakan barang dan perkhidmatan, barang dan perkhidmatan sendiri dan jumlah wang yang bertukar tangan. Oleh sebab itu, apabila kita berkata hanya (26):

(26) Perompak merompak bank.

Kita memahami bahawa perompak telah mengambil keluar sesuatu daripada bank, dan apabila kita kata (27):

(27) Halimah membeli rumah.

Dengan benar kita tahu bahawa terdapat seseorang yang menjual rumah kepada Halimah dan sejumlah wang telah bertukar tangan. Begitu juga sebaliknya apabila kita berkata (28):

(28) Johan menjual rumah (kepada Halimah).

Secara benar juga kita tahu bahawa terdapat seorang yang bernama Halimah membeli rumah daripada Johan dan sejumlah wang telah bertukar tangan. Ayat tersebut mengandungi kata kerja **menjual** yang digunakan dengan dua argumen (tetapi tiga kasus) atau tiga argumen, termasuk yang dikurung itu.

Dalam pemberitaan, ayat-ayat yang digunakan berupa ragam dengan tujuan untuk menyampaikan maklumat bagi diberitahu kepada orang lain melalui tulisan di halaman akhbar. Yang berikut ialah sedutan berita tentang “**Palung Bumbung Dewan Runtuh** dalam akhbar *Kosmo*, Utusan Melayu Berhad, pada 24 Julai 2006:

DUNGUN Warga Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Besi di sini gempar apabila palung simen bumbung dewan sekolah itu *runtuh*

malam kelmarin setelah didapati *retak* dua bulan lalu. Seramai 320 pelajar sekolah tersebut *terselamat*, kerana kejadian itu berlaku selepas hujan lebat *melanda* Bukit Besi di sini kira-kira pukul 12.30 malam. Akibat runtuhannya itu, enam batang tiang koridor dewan tersebut *retak* dengan dua batang tiang itu *rosak* teruk dan hampir patah.

Dalam sedutan berita di atas, didapati satu kata gerak sahaja digunakan, iaitu *runtuh*. Kata kerja ini secara konsep digunakan untuk menerangkan pergerakan dari atas ke bawah yang mewakili predikat satu argumen, iaitu objek yang bergerak ke bawah dalam ayat (29):

- (29) Warga Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Besi di sini gempar apabila simen bumbung dewan *runtuh* malam kelmarin setelah didapati retak dua bulan lalu.

Seluruh ayat ini dinilai sebagai benar berdasarkan nilai kebenaran yang diapiti oleh dua klausa utama sebelum yang mengapiti **apabila** sebelumnya sebagai penyebab dan **setelah** selepasnya sebagai pencetus kesan atau akibat aktiviti **runtuh** dalam peristiwa **gempar** sebagai kata kunci penyebab kepada aktiviti **runtuh** dan kemudiannya **retak** itu.

Dalam pemberitaan, kata kerja gerak memberikan kesan tragis kepada pembaca, walaupun maksud utama wacana tragedi itu diinterpretasikan oleh adjektif **gempar** dengan lakuan yang lain-lain sebagai maklumat pelengkap kepada ayat yang menerangkan maksud tragedi dalam wacana berita. Kata kerja gerak **runtuh** yang bersifat berat itu menjadi unsur penguat kepada fokus yang menyempurnakan maksud **gempar** sebagai sifat peristiwa yang berfungsi membentuk tragedi apabila kata kerja gerak **runtuh** berfungsi sebagai unsur penyebab kepada tragedi tersebut dan penguat kepada fokus yang dinyatakan oleh kata **gempar** itu.

Kata kerja **retak** yang bersifat sementara dan berlanjutan diterangkan oleh argumen ruang masa yang dinyatakan oleh frasa komplemen **dua bulan lalu** selepasnya. Sifat kata yang berlanjutan, berat dan rosak ini memberi kesan yang tebal kepada perasaan pembaca berita. Wacana berita ini tergolong kepada wacana pemberitaan yang utuh kerana peranan yang dimainkan oleh kata kerja gerak itu berkolokasi dengan kata kerja *rosak* dan *retak* sebagai pengukuh argumen kepada peristiwa **gempar** yang menerangkan aktiviti bersifat tragedi, dan disaksikan oleh ramai penyaksi di samping berlakunya kemusnahan benda-benda yang disayangi. Maksud “disayangi” di sini dibawakan oleh makna frasa nama **dewan sekolah**. Oleh

sebab itu, maklumat leksikal kata kerja sebagai predikat ayat penting untuk menghantar kesan yang kuat kepada makna ayat yang didukung oleh sejumlah argumen mengikut saiz maklumat yang mahu disampaikan dalam penyampaian sesuatu berita. Antara argumen yang membentuk predikat ayat dalam wacana berita di atas ialah keadaan gempar, kejadian benda-benda tak bernyawa pada *runtuh*, *retak* dan *rosak*. Yang penting ialah bahawa bilangan argumen yang membentuk predikat ayat sesuai dengan saiz dan jenis maklumat yang mahu disampaikan oleh pengarang dalam beritanya itu.

Struktur Kasus

Walaupun terdapatnya kesukaran untuk menentukan struktur peranan ujaran tertentu, untuk predikat yang terbekal dalam bahasa semula jadi, peranan yang dimainkan oleh argumennya sesungguhnya diambil daripada inventori jenis-jenis peranan yang telah ditentukan oleh teori nahu. Oleh sebab istilah-istilah untuk peranan ini didapati dalam kajian teori kasus, maka istilah yang merujuk kepada peranan tersebut dinamakan sebagai *hubungan kasus*, atau mudahnya *kasus*. Kombinasi kasus yang mungkin dikaitkan dengan predikat tertentu dinamakan *struktur kasus* predikat tersebut. Sebagai tambahan kepada sekumpulan komplemen yang agak kompleks yang mengenal pasti had dan jangkauan ruang dan masa yang diperlukan oleh kata kerja gerak, lokasi, tempoh masa dan sebagainya. Maksud kasus yang dianggap paling relevan kepada pembahagian jenis kata kerja yang lebih kecil terdiri daripada yang berikut:

Agen (A), pencetus peristiwa.

Lawan-Agen (C), kuasa atau rintangan yang kerananya tindakan dilakukan.

Objek (O), entiti yang bergerak atau berubah atau yang kedudukannya atau kewujudannya diberikan pertimbangan.

Hasil (R), entiti yang wujud sebagai kesan atau hasil tindakan.

Alat (I), stimulus atau penyebab fizikal serta-merta terhadap sesuatu peristiwa.

Sumber (S), tempat yang darinya sesuatu bergerak.

Tujuan (G), tempat yang sesuatu bergerak kepadanya.

Pengalam (E), entiti yang menerima atau mengalami kesan tindakan (dahulunya dikenali sebagai 'Datif').

Kadang-kadang terdapat hubungan satu – banyak antara satu argumen kepada predikat dan beberapa peranan yang dapat dikaitkan dengannya.

Dengan kata lain, sesetengah argumen secara serentak bertugas dalam lebih daripada satu peranan, atau dalam sesetengah situasi argumen dengan peranan yang berbeza didapati serupa, atau seakan-akan sama.

Oleh sebab itu, kata seperti *naik* dan *bergerak* yang digunakan secara intransitif mengambil satu komplemen frasa nama. Komplemen ini merujuk kepada hanya benda yang bergerak ke atas, atau yang secara sekali gus merujuk kepada keadaan yang dengan sendirinya bergerak seperti itu. Dalam ayat *Asap naik*, argumennya berfungsi dengan hanya satu peranan (O), atau secara sekali gus dengan dua peranan (A dan O). Manakala perbuatan *mengangkat* mempunyai dua argumen yang memerlukan Alat (barangkali tangan Agen) seperti dalam ayat *Johan mengangkat tangannya* (A dan O). Perbuatan *terangkat* pula mempunyai hanya satu argumen seperti dalam ayat *Bumi terangkat*. Ayat *Johan mengangkat dirinya* pula dibenarkan oleh nahu untuk mempunyai satu argumen dengan predikat *mengangkat dirinya* itu membawakan maksud metaforik “memuji diri” (Objektif).

Dalam penulisan berita, jumlah argumen yang dibawakan oleh predikat ini perlu difahami oleh penulis sebelum dia menggunakan sebarang kata kerja dalam laporan beritanya. Walaupun tugas ahli bahasa hanya untuk menerangkan peranan-peranan yang dimainkan oleh frasa nama yang dikenal pasti oleh kata kerja dalam predikat ayat, penulis berita yang mahir, terutama daripada penutur natif bahasa yang digunakan dalam penulisan laporan, masalah tidak timbul kerana penulis laporan mengetahui nahu leksikal kata kerja yang digunakan dalam predikat ayat serta jumlah argumen yang dibenarkan oleh predikat ayat, termasuk peranan frasa nama yang digunakan dalam ayat, dalam hubungan yang dikenal pasti oleh kata kerja tertentu dalam predikat ayat. Dengan mengetahui maklumat leksikal kata kerja yang digunakan, tidak mungkin ayat-ayat yang berikut ini timbul dalam penulisan berita:

- *(i) Budak itu makan diri.
- *(ii) Asap menaik.
- *(iii) Dia memikirkan tentang kejadian yang dahsyat itu.
- *(iv) Dia sedang berfikir masalah tersebut berkali-kali.
- *(v) Malam itu dibadai hingga pagi.
- *(vi) Jika diukur dari segi kejelitaan, kakaknya memiliki wajah yang lebih cantik.
- *(vii) Awan mengepul di angkasa.
- *(viii) Masalah itu menjadi timbul kepada yang lebih besar.

Argumen di Permukaan

Dalam konstruksi sintaksis, argumen pada predikat tidak harus dipadankan mengikut asas satu dengan satu, dengan kasus yang juga dikaitkan dengan predikat yang sama. Dalam berita, sama seperti dalam bahasa perhubungan biasa, kata **menyalahkan** atau **dipersalahkan**, **menuduh** atau **dituduh**, sering digunakan oleh pembuat berita untuk menyampaikan maklumat yang berkaitan dengan kesalahan yang dibuat oleh seseorang atau pihak tertentu. Tuduhan dibuat setelah kejahatan dikenal pasti oleh pihak polis, lalu **tertuduh** menganggap tindakan polis itu sebagai suatu **tuduhan** terhadap kesalahan yang dibuatnya.

Kata kerja **menyalahkan** mempunyai perkaitan dengan tiga peranan, penuduh (Sumber), defendan (Tujuan), dan kesalahan (Objek). Ekspresi dengan kata kerja ini dapat mengandungi rujukan kepada ketiga-tiganya seperti dalam (30), hanya dua dalam (31) dan (32), atau satu dalam (33):

- (30) Budak lelaki itu menyalahkan teman wanitanya atas kemalangan tersebut.
- (31) Budak lelaki itu menyalahkan teman wanitanya.
- (32) Teman wanita lelaki itu dipersalahkan atas kemalangan tersebut.
- (33) Teman wanita lelaki itu dipersalahkan.

Tidak boleh ayat apa pun yang mengambil kata kerja **menyalahkan** atau **dipersalahkan** menyebutkan hanya orang yang menuduh, hanya kesalahan atau semata-mata orang yang menuduh dan kesalahan, seperti dalam ayat (34) hingga (36):

- (34) *Budak lelaki itu menyalah.
- (35) *Kemalangan dipersalahkan.
- (36) *Budak lelaki itu menyalahkan kemalangan.

Hal ini sesungguhnya ditentukan oleh teori nahu sendiri. Sebarang pemberitaan yang menggunakan ayat dengan struktur kasus (34), (35) dan (36) dianggap tidak bermakna, dan maksud maklumat yang disampaikan akan terjejas atau sama sekali tidak benar.

Dalam pemberitaan yang berikut ini, kebanyakan kata kerja *menyalahkan*, mahupun *dipersalahkan* telah digunakan dengan proposisi yang betul. Dengan erti kata lain, bilangan argumen di dalam ujaran didapati mengikut struktur kasus yang ditentukan dalam ayat (31) hingga (33) di atas:

... dalam perdebatan itu, tiga ahli panel tidak sependapat. Mereka **menyalahkan** pendapat yang membenarkan pakaian wanita berbentuk fesyen asalkan menutup aurat. Pendapat yang tidak bersetuju itu mengatakan bahawa soal pakaian yang menutup aurat itu haruslah untuk pakaian yang biasa dipakai oleh wanita dalam kehidupan biasa. Ustaz Mahadi **menyalahkan** pandangan yang membenarkan pakaian fesyen dipakai di pentas-pentas hiburan biarpun menutup aurat. Pakaian yang dipakai di pentas-pentas seperti itu sudah dicirikan oleh nilai peraga diri yang tidak dibenarkan untuk kaum wanita mempamerkannya di khalayak penonton. Pendapat golongan ini **dipersalahkan** oleh 2 orang panel yang lebih liberal yang mengatakan pendirian bahawa daripada tidak menutup aurat lebih baiklah yang menutup aurat, biarpun pakaian itu jenis pakaian fesyen moden. Menurut Ustaz Jalil, sikap **menyalahkan** orang lain tidak sepatutnya timbul dalam acara seperti itu. Sebaliknya, kaedah yang lebih baik perlu digunakan untuk mencari keputusan yang dapat dianggap sesuai dengan ajaran Islam.

(*Kosmo*, 8 Julai 2006)

Kata kerja **mendakwa** dan **didakwa** sama dengan kata kerja **menuduh** dan **dituduh** dari segi jumlah argumen yang dibenarkan oleh predikat. Kata **mendakwa** dikaitkan dengannya tiga rujukan, iaitu orang yang mendakwa (Sumber), tertuduh (Tujuan) dan kesalahan (Objek) dalam (37), dua dalam (38) dan (39), manakala **didakwa** hadir dalam ujaran dengan satu rujukan atau peranan seperti dalam (40):

(37) Johan mendakwa Kasim atas kesalahan itu.

(38) Johan mendakwa Kasim.

(39) Kasim didakwa atas kesalahan itu.

(40) Kasim didakwa (semalam).

Dalam pemberitaan yang dibuat dalam petikan akhbar di bawah ini ditunjukkan bahawa penggunaan kata kerja **mendakwa** dan **didakwa** menunjukkan rujukan argumen yang betul dari segi jumlah yang diizinkan oleh teori nahu. Akibat penggunaan kata kerja yang disebutkan itu, maksud berita menjadi jelas dan maklumat yang disampaikan dapat difahami sebagaimana yang dinyatakan dalam berita yang dipetik itu:

Bagi kesalahan itu, dia dari Kampung Lubuk Gajah, Mukim Gelung, Jitra, didakwa mengikut Seksyen 377(c) Kanun Keseksaan. Tuduhan kedua, dia **didakwa** cuba merogol seorang kanak-kanak perempuan

berusia 11 tahun tiga bulan di sebuah bangsal dalam kebun getah di tempat sama kira-kira jam 8.00 malam, 15 Julai lalu.

(*Berita Harian*, 4 Ogos 2006)

Dalam berita yang dituliskan itu, kata kerja **didakwa** mengambil hanya satu argumen, dengan argumen baru ditambah untuk menyampaikan maklumat baru dalam ayat yang berikutnya. Jika ayat dengan kata kerja **didakwa** itu diparafrasakan, ayat dengan struktur aktif transitif dapat digunakan sebagai pilihan, seperti dalam (41):

- (41) (Seseorang) mendakwanya (dia) mengikut Seksyen 377(c) Kanun Keseksaan.

Struktur parafrasa ini memenuhi argumen yang terdapat dalam (39). Kehadiran dua argumen dalam struktur parafrasa sesuai dengan teori nahu dengan mengekalkan makna yang sama dengan makna ayat (42) dalam berita itu.

- (42) Dia didakwa mengikut Seksyen 377(c) Kanun Keseksaan.

Kata kerja **mendakwa** mempunyai dua makna. Selain makna “mengemukakan tuduhan terhadap seseorang”, kata kerja **mendakwa** boleh juga membawakan makna “mengemukakan sesuatu sebagai kenyataan atau kebenaran”. Dengan makna ini pun, kata kerja **mendakwa** dapat menyampaikan tiga rujukan atau peranan, seperti dalam (43) dan (44):

- (43) Dia mendakwa dirinya pendakwah.
 (44) Dia mendakwa kenyataannya itu benar.
 (45) Dia mendakwa sesuatu (semalam).

Sesungguhnya, tidak dibenarkan oleh nahu, jika ayat dengan **mendakwa** dinyatakan dengan hanya orang yang membuat dakwaan, perkara yang didakwa atau hanya pembuat dakwaan dan kenyataan. Lihat (46) – (48):

- (46) *Dia mendakwa.
 (47) *Kenyataan didakwa.
 (48) *Dia mendakwa untuk kebenaran.

Oleh sebab itu, sekiranya beberapa banyak argumen mahu ditambah kepada maklumat ayat, beberapa argumen yang ditambah untuk menyempurnakan

maklumat mestilah melalui ayat atau klausa yang mengikuti kata kerja **mendakwa** atau **didakwa** dalam teks., seperti dalam petikan berita yang berikut ini:

Nik Sapeia yang *mendakwa* dia seorang daripada penganjur lawatan Dr. Mahathir ke Kelantan itu, memberitahu pemberita demikian pada sidang media di rumahnya di Pasir Tumboh di sini, semalam.

(*Kosmo*, 8 Julai 2006)

Walaupun kata *mendakwa* digunakan dalam ayat selepas penyepit *yang*, ayat itu boleh diparafrasakan menjadi (49) dengan mengekalkan jumlah tiga argumen yang dibenarkan oleh nahu.

- (49) Dia mendakwa dia seorang daripada penganjur lawatan Dr. Mahathir itu.

Berdasarkan kehadiran argumen yang betul bilangannya dalam dua ayat yang digabungkan dan jika dipendekkan menjadi ayat dengan argumennya sesuai mengikut maksud (49) di atas, maka ayat dengan kata kerja **mendakwa** dalam berita di atas berhasil menyampaikan maklumat dengan tepat. Berita ini dianggap berita yang boleh dipertanggungjawabkan kesahihan nahunya dengan maklumat yang jelas mengikut teori nahu.

Dalam petikan berita yang berikut ini, kata kerja **mendakwa** yang diikuti oleh argumen yang diwakili oleh peranan komplemen (Sumber) dihilangkan (Ø) atas alasan bahawa pengapit klausa **bahawa** + Sumber dibenarkan oleh nahu bagi digugurkan tanpa menjejaskan maksud ujaran dalam bahasa Melayu. Yang berikut ini ialah sedutan berita yang dirujuk:

KUALA LUMPUR “Kepala saya ditarik dan dipaksa melakukan seks oral dua kali.” Itulah pengakuan gadis yang mahu dikenal sebagai Ninie, 22. Dia *mendakwa* telah menjadi mangsa cabul seorang pegawai Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang sebaya dengannya dalam bilik di sebuah pejabat cawangan 1 Ogos lalu.

(*Kosmo*, 4 Ogos 2006)

Dalam berita yang dituliskan di bawah ini, ayat (50) boleh sahaja diparafrasakan kepada ayat (51) dengan tidak mengubah maklumat kedua-dua ayat tersebut:

- (50) Dia *mendakwa* telah menjadi mangsa cabul seorang pegawai Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang sebaya dengannya dalam bilik di sebuah pejabat cawangan 1 Ogos lalu.

- (51) Dia *mendakwa* **bahawa dia** telah menjadi mangsa cabul seorang pegawai Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang sebaya dengannya dalam bilik di sebuah pejabat cawangan 1 Ogos lalu.

Oleh sebab itu, penghilangan pengapit **bahawa dia** dalam ayat yang tertulis dalam berita tersebut dibenarkan oleh nahu Melayu, malahan oleh teori nahu. Justeru, kualiti berita yang akur dengan bilangan argumen yang dikenal pasti oleh kata kerja **mendakwa** dapat dipertahankan dan berita sebagai penyampai maklumat terus bertanggungjawab terhadap bahasa yang memberikan maklumat yang sesuai, sebagaimana yang digunakan mengikut ragam pemberitaan.

Fitur Semantik

Beberapa pertimbangan perlu diberikan untuk menentukan fitur semantik sebagai konstan predikat mengikut maksud kalkulus predikat yang berkembang dalam logik moden. Pertama, fitur yang saling bercangkuk dalam rangkaian fitur seperti yang dikemukakan oleh Katz dan Fodor (1963), tidak mencukupi untuk menerangkan fitur interpretasi bagi kata dan ayat. Salah satu cara yang digunakan dalam hubungan ini, seperti dalam Katz (1996, 1997) dan Bierwisch (1967), ialah supaya fitur-fitur itu dikelompokkan dengan menggunakan kurungan. Pengelompokan seperti ini digunakan untuk menyatakan bahawa sesetengah fitur bacaan itu didapati lebih hampir hubungannya daripada yang lain-lain. Cara yang paling “natural” untuk mengatasi kelemahan yang timbul adalah dengan mentafsir fitur semantik sebagai predikat dan membina hubungan yang lebih kompleks sesama mereka dengan cara menggunakan alat formal kalkulus predikat, membenarkan penyesuaian dan pengubahsuaian secara terkawal jika perlu.

Kedua, fitur semantik yang digunakan sebagai predikat mestilah ditentukan berdasarkan argumen yang sesuai, supaya argumen ini menjadi sebahagian daripada representasi semantik. Perbezaan makna kata akan ditentukan berdasarkan perbezaan rujukan yang wujud pada suatu masa tertentu. Weinreich (1962) menyatakan bahawa masukan leksikal untuk kata tunggal pun perlu ada bentuk fungsi proposisi, iaitu predikat (kompleks) dengan variabel yang tidak terikat sebagai argumen. Kita bolehlah beranggapan bahawa bagi setiap FN1 terdapat variabel X1 yang berfungsi sebagai argumen dalam representasi semantik ujaran, dengan FN1 sebagai sebahagian daripadanya.

Fitur semantik mempunyai kelas yang berbeza mengikut jumlah

argumen yang diperlukan. Agak munasabah untuk kita terus beranggapan bahawa setiap fitur selalunya mempunyai jumlah argumen yang sama. Jumlah FN yang dibenarkan dalam ayat (52):

- (52) [Johan]_{FN1} menjualkan ([Bakar]_{FN2}) [sebuah buku]_{FN3} (dengan harga [tiga ringgit]_{FN4})

tidak menyatakan terdapatnya fitur dengan disertakan jumlah argumen, tetapi hanya beberapa argumen yang tidak ditentukan oleh pertambahan item leksikal, dan oleh yang demikian tidak timbul di permukaan dalam bentuk konstituen yang berbeza. Justeru, kita perlu mempertimbangkan fitur yang lebih rinci seperti “Penyebab” yang mengambil preposisi sebagai satu daripada argumennya. Preposisi yang sesuai untuk ayat (52) ialah **untuk** yang mempunyai dua hubungan tempat, supaya, satu argumen tambahan dapat dihantar selepasnya di permukaan, seperti dalam ayat (53):

- (53) Johan_{FN1} menjualkan **kepada** bakar_{FN2} sebuah buku_{FN3} dengan harga tiga ringgit_{FN4}

supaya setiap preposisi mewakili argumen dalam ayat (53).

Fitur “Penyebab” yang mengambil preposisi sebagai salah satu argumennya, bacaan **kesal** dan **percaya** dalam ayat (54) dan (55) mestilah mengandungi fitur yang mewakili sikap tertentu argumen pertama, X_1 yang disediakan oleh FN_1 “Johan” dalam (54) dan (55), terhadap argumen kedua, yang dibekalkan oleh komplemen “Ali menunggu lama”.

- (54) [Johan]_{FN1} kesal [bahawa [Ali menunggu lama]_S]_{FN2}
 (55) [Johan]_{FN1} percaya [bahawa [Ali menunggu lama]_S]_{FN2}

Fitur-fitur ini yang boleh dipendekkan sebagai “Percaya” dan “Kesal” adalah sama dengan “Penyebab” dari segi ia mengambil preposisi sebagai argumen kedua. “Percaya” mewakili sikap terhadap preposisi, manakala “Kesal” bukan terhadap preposisi tetapi terhadap fakta yang diwakili oleh proposisi berkenaan. Seelok-eloknya fitur “Penyebab” dan “Kesal” dipanggil jenis fitur fakta (Fitur-F), manakala jenis fitur proposisi (Fitur-P) untuk “Percaya”.

Apabila ayat (54) dan (55) itu dinafikan, terjadilah ayat (56) dan (57) yang berikut:

- (56) (a) Johan tidak percaya bahawa Ali menunggu lama.
 (b) Johan percaya bahawa Ali tidak menunggu lama.
 (57) (a) Johan tidak kesal bahawa Ali menunggu lama.

(b) Johan kesal bahawa Ali tidak menunggu lama.

Manakala ayat-ayat di bawah (56) itu sama dari segi maksud, ayat-ayat di bawah (57) pada dasarnya tidak sama. Soal sama ada pasangan ayat itu mempunyai makna yang sama atau tidak, tidaklah penting. Apabila kedua-dua pasangan ujaran itu diizinkan oleh nahu sebagai betul dan bermakna, penulisan berita masih boleh menggunakan mana-mana ayat yang difikirkan sesuai dengan konteks yang wujud dalam pemberitaan.

Dalam berita, ayat pasif lebih gemar digunakan oleh wartawan semasa membuat laporan, supaya kebenaran yang tidak pasti itu diketepikan atau digugurkan. Cara menggugurkan fakta yang tidak tepat sering menggunakan ayat pasif yang terbit daripada asalnya ayat aktif. Sebagai contoh, ayat pasif (58) diterbitkan daripada ayat (59) yang asalnya ayat aktif:

(58) Johan dipercayai menipu kanak-kanak itu.

(59) (Seseorang) percaya bahawa Johan menipu kanak-kanak itu.

Dalam berita, apabila sumbernya tidak diketahui dengan pasti, maka ayat pasif sering digunakan kerana strukturnya mengizinkan sumber atau subjek pelakunya digugurkan, supaya maklumat yang tidak diketahui dapat ditiadakan dalam berita yang dituliskan.

Dalam petikan berita di bawah ini, terdapat ayat yang mengandungi penggunaan kata “dipercayai” yang betul nahunya dalam ayat pasif, apabila subjek pelakunya digugurkan bagi meniadakan maklumat sumber yang tidak dapat dipastikan oleh penulisnya:

ALOR STAR Duda yang dikenali ‘Pak Cik Non’ **dipercayai** memperdaya kanak-kanak itu termasuk pasangan adik-beradik berusia 13 tahun dan 10 tahun dengan mengajak mereka makan dan bersiar-siar menaiki van sebelum melakukan perbuatan terkutuk itu. Dua tersebut yang bekerja sebagai pemandu di sebuah syarikat swasta **dipercayai** memaksa mangsanya melondehkan seluar mereka sebelum merogol atau meliwati mereka.

(Kosmo, 14 Julai 2006)

Kedua-dua ayat pasif yang menggunakan proposisi **dipercayai** diterbitkan daripada asalnya dua ayat aktif seperti dalam (60) dan (61):

(60) (Seseorang) *percaya* bahawa duda yang dikenali (sebagai) “Pak Cik Non” memperdaya kanak-kanak itu.

(61) (Seseorang) *percaya* bahawa duda tersebut memaksa mangsanya melondehkan seluar mereka sebelum merogol atau meliwati mereka.

Berdasarkan apa yang dituliskan, ayat-ayat dalam berita jelas mempertahankan mutu penulisan ayat Melayu yang sangat tepat atau menghampiri struktur yang digunakan dalam laporan dan pemerian deskriptif. Ragam bahasa berita yang rata-rata mementingkan ekonomi ruang kadang-kadang menyebabkan beberapa kata depan **sebagai** digugurkan. Walaupun begitu, penggunaan kata **sebagai** sering bermasalah dalam bahasa Melayu, sebagaimana yang berlaku dalam ayat (62) dan (63) yang berikut:

(62) Datuk penghulu kampung dianggap pemimpin masyarakat.

(63) Pendetang haram itu dituduh salah seorang pencuri baru-baru ini.

Berdasarkan struktur yang sering menggugurkan kata **sebagai** selepas kata **dianggap** dalam (62) dan **dituduh** dalam (63), kata **sebagai** yang tidak digunakan selepas kata **dikenali** dalam petikan berita di atas barangkali bertolak daripada kebiasaan seperti itu. Pada keseluruhannya, peranan yang dimainkan oleh frasa nama menepati kasus masing-masing yang dikenal pasti oleh kata kerja yang digunakan dalam ayat. Hubungan kasus frasa nama dengan kasus frasa nama yang lain yang dikenal pasti oleh kata kerja itu sesuai dengan jumlah argumen yang terbentuk dalam ayat. Dengan menyediakan proposisi P, iaitu kombinasi yang tepat antara fitur predikat yang tidak terhad dengan argumen yang sesuai dengan proposisi yang dibawakan oleh kata **percaya**, bacaan menunjukkan argumen benar-benar membawakan Fitur-P pada aras maksud dalam contoh berita yang dituliskan di atas. Oleh sebab itu, nilai berita dapat ditanggap dengan jelas, yakni sampai ke pengetahuan pembaca berita.

Penggunaan kata nama seperti *kanak-kanak*, *adik-beradik*, *mangsa*, *seluar* dan lain-lain daripada jenis ini menggambarkan peranan sosial, iaitu hubungan – sebahagian – seluruh peristiwa daripada berita yang berkesan. Berita yang tidak mengandungi penggunaan kata nama, kata kerja dan kata adjektif yang tidak menggambarkan peranan sosial tidak mampu membentuk maklumat yang menghantar berita, kecuali sebagai maklumat pemerian tentang sesuatu perkara atau benda yang khusus dan faktual bagi menyatakan sifat dan fungsi sahaja.

Fungsi Berita

Berita penting sebagai ranah yang menyampaikan maklumat kejadian, dan peristiwa harian, termasuk unsur dan peristiwa hiburan. Akhbar sebagai

media cetak memaparkan berita-berita tentang kemalangan, peristiwa peperangan, kejadian dan kasus yang menyentuh perasaan seperti kes rogol, penculikan, kejadian ragut, pergaduhan yang menyebabkan kecederaan dan kes bunuh-membunuh sesama manusia, terutama dalam kalangan anak terhadap ibu bapa, teruna terhadap kekasih, ketagihan dadah yang mendorong kepada pembunuhan dan kecederaan, dan sebagainya. Berita seperti ini dianggap mempunyai sensasi yang tinggi, jika dibandingkan dengan berita ekonomi dan politik dalam negeri dan antarabangsa.

Yang penting dalam berita ialah penggunaan kata-kata. Setiap kata mempunyai fitur semantik yang khusus atau berubah mengikut maksud yang disampaikan. Walaupun maksud ayat dipentingkan untuk mendefinisi maklumat yang disampaikan, setiap ayat yang digunakan perlu betul dari segi kata-kata yang dipilih supaya sesuai dengan maksud yang terjaring dalam penyampaian maklumat. Kalau kata kerja digunakan, sama ada daripada jenis sementara, berterusan, bersambungan bergerak, atau daripada jenis perasaan dan pendirian, kata-kata lain turut digunakan sama, seperti kata nama yang perlu berkolokasi dengan kata lain daripada domain pemikiran yang berbeza-beza. Kata kerja gerak, misalnya berkolokasi dengan kata nama objek bernyawa [+ Manusia], dengan syarat frasa nama subjeknya bernyawa (sekiranya agentif) atau tidak bernyawa (sekiranya pengalam atau datif). Kasus yang berbeza dalam ayat ini turut dibezakan berdasarkan kehadiran beberapa banyak argumen di dalam ayat. Sebagai contoh, kata kerja perasaan **bersedih** boleh sahaja mengambil satu argumen seperti dalam ayat (64):

(64) Dia sedang bersedih.

atau dua argumen seperti dalam ayat (65):

(65) Dia sedang bersedih atas kematian ibunya.

Kehadiran argumen ditentukan oleh kasus ayat, iaitu peranan yang dimainkan oleh frasa nama yang dikenal pasti oleh kata kerja yang digunakan dalam ayat. Semua ini menentukan maksud ayat yang dikehendaki dalam sesebuah pemerian atau berita. Dengan mengetahui maklumat leksikal atau fitur semantik bagi kata, barulah si pembuat berita dapat menyampaikan maksud maklumat yang sesuai dari segi penggunaan kata nama atau adjektif dalam ayat. Jika tidak, mereka akan mengehadkan pengetahuan mereka dengan beberapa jenis ayat terhad yang diketahuinya sahaja. Dengan pengetahuan yang terhad ini, ruang maklumat yang disampaikan akan

menjadi terbatas. Apatah lagi apabila ranah yang disampaikan oleh berita meliputi bidang ekonomi, politik, ilmu pengetahuan seperti sains dan teknologi, matematik, kajian budaya, kesusasteraan, falsafah, kepercayaan dan sebagainya.

Dalam hiburan, misalnya, kata kerja yang mempunyai fitur yang menandai konsep hiburan digunakan dalam usaha menuliskan berita. Dalam pengiklanan, misalnya, untuk menyampaikan berita tentang kebahagiaan simbolik seorang pakar fesyen semata-mata kerana gincu bibir Shu Uemura, dia menggunakan slogan *Kecantikan adalah sama dengan kehidupan saya*. Dengan slogan ini, pemberita menurunkan maklumat yang diketahuinya tentang pakar tersebut dengan menulis:

Daripada penampilannya, beliau memang nampak terlalu biasa, seperti mana-mana orang tua seusianya. Begitu pun, hasil kerja beliau sentiasa menguja sesiapa sahaja hatta remaja berusia belasan tahun.

(*Kosmo*, 24 Julai 2006)

Walaupun tanpa urutan yang logik antara proses menyediakan berita dengan sedutan dialog orang lain sebagai sebahagian daripada berita, pemberita berhasil meneruskan penyampaian maklumatnya dengan semata-mata mengutip bahasa yang digunakan oleh pakar promosi perniagaan yang berkata:

Berhadapan dengan kami para jemputan kehormatnya di Roppongi Academy Hills Librarian Caf, Mori Tower, Shu Uemura menuntut *tumpuan* dan *pengiktirafan world class*. Ada sesuatu keistimewaan dan kelebihan padanya. Jika tidak, tentu kami tidak datang beribu-ribu kilometer untuk bertemu dengan orang tua ini.

(*Kosmo*, 14 Julai 2006)

Dalam berita di atas, pemberitaan menggabungkan bahasa pemberita dengan dialog pakar kosmetik untuk membentuk genre berita. Itulah sebabnya maka bahagian dialog itu tidak dituliskan dengan tanda pengikat kata. Barangkali ini gaya penulisan berita, *wallah-u-a'lam*. Yang penting untuk berita ini bukannya gaya berita itu disampaikan, tetapi pemilihan kata kerja **menuntut** dan kata nama abstrak **tumpuan** dan **pengiktirafan** yang menerangkan kata kerja tersebut menjadi lebih utama, terfokus dan menarik.

Kata kerja **menuntut** merupakan suatu proposisi dengan argumennya dibekalkan oleh dua hubungan sumber, iaitu *tumpuan* dan *pengiktirafan*,

kepada jenama yang berfungsi sebagai Alat, iaitu benda yang memberikan kecantikan kepada wajah wanita. Kata kerja **menuntut** mengandungi maklumat tentang pengaruh yang mempunyai tarikan (peranan) sosial yang menyebabkan terhasilnya **tumpuan** yang menafikan tarikan benda-benda yang lain-lain. Manakala kata nama **pengiktirafan** mengandungi maklumat pengesahan yang menafikan keupayaan benda-benda atau jenama kosmetik yang lain. Proposisi yang dibawa oleh kata kerja **menuntut**, walaupun bersifat diayah, bertukar menjadi keperluan yang tidak boleh ditiadakan. Apabila kata nama **tumpuan** dan **pengiktirafan** digunakan sebagai komplemen kata kerja **menuntut**, dengan diikuti oleh penerang *World Class* yang berfungsi sebagai unsur tarikan, selain untuk mengeraskan makna “tumpuan” dan “pengiktirafan”, struktur ayat yang boleh menjadi variasi kepada maksud yang sama ialah ayat (66) dan (67):

- (66) Shu Uemura *menumpukan* kecantikan bertaraf *world class* kepada sesiapa yang memakainya.
- (67) Shu Uemura *mengiktiraf* kecantikan bertaraf *world class* kepada sesiapa yang memakainya.

Dengan kata lain, sesiapa sahaja menggunakan gincu bibir Shu Uemura akan memiliki kecantikan bertaraf dunia, yakni menafikan taraf jenama yang lain. Kata kerja pengaruh *menumpukan* yang menerbitkan **tumpuan** dan *mengiktiraf* yang menerbitkan **pengiktirafan** mempunyai implikasi psikologi yang sangat besar kepada persepsi wanita yang membaca slogan tersebut.

Pendek kata, pakar kosmetik yang mahir telah memilih kata kerja yang sangat berpengaruh (oleh peranan sosial dan psikologinya) dari segi proposisi yang belum tentu sah nilai kebenarannya. Akan tetapi, pembaca dirangsang oleh kata kerja tersebut untuk bersetuju seolah-olah nilai kebenarannya benar-benar telah sah. Kecekapan pakar kosmetik menguasai bahasa iklan membuatkan berita yang dituliskan oleh pemberita itu tepat dari segi kebenaran atau nilai-benar dua argumen yang dihantar oleh kata kerja proposisi yang mengandungi nilai tarikan, atau pengaruh yang tidak boleh dilepaskan nikmat penggunaannya, meskipun tempatnya di bibir sahaja. Pakar kosmetik itu tahu bahawa kecantikan tidak terletak pada warna bibir sahaja, tetapi juga pada kesan maksud kata kerja proposisi **menuntut** yang membenarkan kepercayaan bahawa, kerana bibir sahaja, seluruh tubuh badan turut menjadi segala-galanya kelihatan cantik dan mempesonakan.

Apabila maklumat leksikal, atau fitur semantik, setiap kata kerja diketahui oleh pengguna bahasa, ayat-ayat yang mengandungi kata-kata yang digunakan dalam rantaian tertentu secara berkonteks dan berkolokasi didapati wajar, relevan, dan berkesan. Setiap maklumat pada kata-kata yang digunakan saling membantu untuk menerbitkan maksud yang tepat, jelas, sesuai dan berpengaruh.

KESIMPULAN

Seperti juga bahasa huraian, aspek formal representasi semantik telah dianggap oleh ahli semantik sebagai struktur kompleks yang terbina daripada istilah primitif dan digunakan ke atas representasi permukaan sintaksis oleh rumus sintaksis nahu sesuatu bahasa. Representasi yang sama diperlukan juga dalam bahasa berita yang turut mengandungi struktur kompleks. Representasi semantik dalam bahasa berita mengandaikan keperluan asas yang berikut:

- (a) Suatu set variabel yang mewakili set objek yang dirujuk oleh ujaran. Variabel yang terjadi dalam bacaan ayat disenaraikan dalam bentuk indeks dari segi kesamaan dan perbezaan rujukan.
- (b) Fitur predikat hendaklah disubkelaskan mengikut jumlah argumennya kepada predikat setempat, predikat dua tempat dan sebagainya. Jumlah argumen yang dicadangkan sebaik-baiknya dua. Pembahagian fitur predikat kepada subkelas yang lain boleh sahaja dibuat oleh jenis-jenis argumen yang diambilnya: argumen yang mewakili objek benar, fakta, proposisi, objek parasit atau parameter objek.

Representasi semantik hendaklah sentiasa dikaitkan dengan representasi permukaan sintaksis. Hubungan antara struktur dalaman sintaksis dengan representasi semantik hendaklah dilihat dari segi bahawa struktur dalaman dilaksanakan oleh rumus transformasi ke atas struktur permukaan. Hubungan antara struktur dalaman sintaksis dan representasi semantik dibekalkan oleh leksikon, yang menghubungkan representasi semantik formatif sintaksis dasar, dan konvensi umum yang menentukan kesan semantik hubungan sintaksis dasar tersebut. Sesungguhnya benar bahawa tingkah laku sintaksis masukan leksikal tertentu dapat diramal berdasarkan struktur semantiknya.

Oleh sebab hal itulah, maka pengguna bahasa dapat membuat ayat

dengan maksud yang tepat dan sesuai dengan argumen yang dibentuk dalam predikat ayat. Itulah sebabnya juga, kita dapat memilih kata kerja yang mana satu mahu dihubungkan dengan kata-kata nama dan adjektif yang lain dalam ayat-ayat yang dibentuk. Seandainya kita tidak mengetahui fitur semantik kata kerja, atau kata golongan lain, kita tidak mungkin dapat melahirkan ayat yang betul dari segi logik argumennya, mahupun maklumat-maklumat tambahan yang lain dalam struktur sintaksis. Bahasa berita yang menyamai struktur bahasa huraian atau pemerian menuntut penulis berita yang berkesan dan tentu sekali datangnya daripada penutur natif, kerana penutur natif sahaja memiliki pengetahuan tentang fitur atau maklumat semantik kata kerja yang menjadi asas kepada pembentukan ayat atau ujaran dalam berita yang ditulisnya.

Agak mustahil bagi kita untuk dapat membentuk argumen pada predikat ayat jika kita tidak mengetahui kualiti semantik yang ada pada kata yang kita gunakan dalam ayat. Bagaimanakah mungkin kita membentuk objek yang sesuai dengan kata kerja dan subjek ayat yang dikenal pasti oleh kata kerja, jika kita tidak mengetahui fitur atau maklumat semantik kata kerja yang kita gunakan dalam sesuatu ayat. Pembahagian ahli bahasa atau ahli semantik untuk memperincikan fitur-fitur yang didukung oleh sesuatu kata hanya untuk menyatakannya dalam analisis. Jika pun tidak, pemakai bahasa sudah mengetahui fitur-fitur tersebut kerana mereka sudah disediakan kebolehan untuk menggunakan kata-kata dalam ujaran semasa melakukan perhubungan dengan orang lain dalam masyarakat.

Mengapakah kita perlu mengetahui jenis kata kerja sebagai kata gerak, sermentara atau berterusan dan sebagainya? Fitur kata kerja yang berbeza memerlukan kita menentukan subjek agentif atau alat, atau objek yang sesuai dengan kata kerja tersebut untuk menyampaikan maksud melalui penggunaan kata dalam ayat. Mengapakah Fillmore mengatakan bahawa Sumber secara serentak menjadi Agen, apabila seseorang menggunakan *menjual* dan *mengajar*; dan Tujuan secara serentak berfungsi sebagai Agen, apabila kita menggunakan *membeli* dan *mempelajari*. Sebabnya adalah supaya, penulis berita tidak akan menggunakan ayat-ayat (68) dan (69) yang berikut ini dalam penulisan beritanya:

- (68) *Dia menjualnya dengan Ringgit Malaysia.

Sepatutnya:

(Dia menjualnya kepada Ali dengan harga RM200,000, atau
Dia membelinya dengan Ringgit Malaysia)

- (69) *Dia mempelajari menari

Sepatutnya:

(Dia mempelajari ilmu matematik, atau
Dia belajar menari)

Yang berikut ini ialah contoh penulisan berita yang baik. Penulisnya mengetahui cara menggunakan kata kerja dan kata-kata lain dalam pembentukan argumen yang sesuai bilangannya dengan struktur kasus yang diizinkan oleh teori nahu leksikal. Beberapa kata kerja yang digunakan dapat memenuhi fungsi hiburan secara menarik dalam berita yang dituliskan:

Selepas menjejakkan kaki di Paris Eva berjaya menjadi seorang supermodel yang popular. Tetapi ketika *melakukan* aksi peragaan untuk sesi penggambaran yang pertama, Eva *berasa* malu, tidak selesa dan tidak pandai bergaya di hadapan kamera. Ini kerana beliau tidak pernah pergi ke kelas peragaan, apatah lagi *mempunyai* pengalaman. Selain daripada itu, majalah di tanah kelahirannya jarang menerbitkan ruangan atau segmen mengenai peragaan dan fesyen. Oleh itu, beliau tidak dapat *menjangka* perkara yang bakal berlaku dalam dunia peragaan. Menurut Eva, beliau berasa begitu gembira apabila berada di atas pentas dan sesi penggambaran kerana menjadi tumpuan orang ramai dan jurugambar.

(*Kosmo*, 24 Julai 2006)

Dalam sedutan berita di atas, diturunkan struktur kasus yang dimungkinkan oleh teori nahu leksikal, dengan representasi tertentu dalam suatu leksikon:

melakukan – Performatif, +Lokusi, – Sementara

argumen	:	x, y, z
kasus	:	Agen, Tujuan, Objek
preposisi	:	untuk
subjek	:	x (Eva)
objek langsung	:	y (aksi peragaan)

berasa – Lokusi, – Seketika

argumen	:	x, y, z
kasus	:	Sumber & Pengalam
preposisi	:	di
subjek	:	x

mempunyai – Lokusi, – Sementara

argumen	:	x
kasus	:	Sumber & Pengalam, Tujuan
preposisi	:	tiada
subjek	:	x

menjangka – Lokusi, – Sementara

argumen	:	x, y, z
kasus	:	Sumber & Pengalam, Tujuan
preposisi	:	yang, dalam
subjek	:	x
objek	:	y
praanggapan	:	x adalah manusia z aktiviti

Representasi leksikal yang terbekal dalam struktur kasus dengan jumlah argumen yang dikenal pasti oleh kata-kata kerja yang digunakan dalam sedutan berita di atas adalah yang dibenarkan oleh teori nahu bahasa Melayu. Berita yang dituliskan menggambarkan pengetahuan sosial penulisnya yang tinggi, di samping sikapnya yang bertanggungjawab terhadap bahasa Melayu yang berhasil dipersembahkannya dengan jelas dalam wacana berita yang bermutu dan berkesan.

RUJUKAN

- Altschull, Herbert J., 1984. *Agents of Power*. London:Longman.
- Bach, Emmon dan Harms, Robert T., 1968. *Universals in Linguistic Theory*. New York:Holt, Rinehart dan Winston.
- Bendix, Edward Herman, 1966. *Componential Analysis of General Vocabulary*. Bloomington:Indiana University Press.
- Berkowitz, Dan, 1997. *Social Meanings of News:A Text-Reader*. London:Sage Publications.
- Breuweinski, 1993. *The Need for Words:Voice and the Text*. England:Methuen Drama.
- Drs. Aceng Abdullah, 1999. *Press Relations:Kiat Berhubungan dengan Media Massa*. Bandung:Penerbit P.T. Remaja Rosdakarya.
- Engwall, Lars, 1978. *Newspapers as Organizations*. England:Teakfield Ltd.
- Fillmore, Charles J., 1968. "The Case for Case" dlm. Bach dan Harms (1968).
- Harrison, Jackie, 2006. *News*. London:Routledge.

- Katz, Jerrold J., dan Fodor, Jerry A., 1963. *The Structure of a Semantic Theory*. Cambridge, Mass:MIT Press.
- Katz, Jerrold J. dan Postal, Paul M., 1964. *An Integrated Theory of Linguistic Descriptions*. Cambridge, Mass:MIT Press.
- Katz, Jerrold J., 1972. *Semantic Theory*. New York:Harper & Row.
- Kempson, Ruth M., 1991. *Teori Semantik, Terj.* Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kosmo*, 4 Julai 2006. Kuala Lumpur:Utusan Melayu Press Berhad.
- Kosmo*, 8 Julai 2006. Kuala Lumpur:Utusan Melayu Press Berhad.
- Kosmo*, 24 Julai 2006. Kuala Lumpur:Utusan Melayu Press Berhad.
- Berita Harian*, 4 Ogos 2006. Kuala Lumpur:Straits Times Press.
- McCawley, James D., 1968. "The Role of Semantic in a Grammar" dlm. Bach dan Harms (1968).
- Nida, Eugene A., 1996. *Menerokai Struktur Semantik, Terj.* Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Phillips, David, 1992. *Evaluating Press Coverage*. London:Kogan Page Ltd.
- Siebert, Peterson & Schramm, 1974. *Four Theories of the Press*. Chicago:University of Illinois Press.
- Stamm, Keith R., 1985. *Newspaper Use and Community Ties: Towards a Dynamic Theory*. New Jersey:Ablex Publishing Corporation.
- Weinreich, Uriel, 1966. "Explorations in Semantic Theory" dlm. Sebeok, (ed.), *Current Trends in Linguistics*. The Hague:Mouton.